

i-ECO: INOVASI SIMULASI DALAM PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN IBADAH TINGKATAN 4

Noor Izzuddin bin Mat Zain [1], Wan Ali Akbar bin Wan Abdullah [2], Nursafra binti Mohd Zhaffar [3]

ABSTRACT

Research by Ab Halim Tamuri et al. (2004) found that the method of teaching Ibadah frequently used was lecturing. While, from the effectiveness point of view, demonstration method of teaching is used more confidently among Islamic education teachers. The question is how can we implement this demonstration method for teaching the concept of Mu'amalat? This paper gives an alternative way of teaching Mu'amalat topic, by using simulation method with the teaching aid known as i-ECO.

Keywords: *Innovation of Islamic Education, Teaching Aids of Ibadah, i-ECO, Simulation Method*

[1] SK Batang Benar, Negeri Sembilan
dinuuzzi1304@yahoo.com

[2] SMK Undang Jelebu, Negeri Sembilan
wanaliakbar@yahoo.com

[3] Universiti Kebangsaan Malaysia, saff07@yahoo.com

PENDAHULUAN

Fiqh Muamalat adalah antara tajuk yang diajar dalam Pendidikan Islam tingkatan 4. Walaupun tidak dikenali dengan nama Fiqh Muamalat, ia dimuatkan sebagai sebahagian daripada tajuk yang perlu dipelajari dalam bidang Ibadah merangkumi tajuk-tajuk seperti berikut: Jual Beli, Sewa, Gadaian, Syarikat, Hutang, Insuran dan Saham (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009). Merangkumi sekitar 8% hingga 9% daripada keseluruhan tajuk Pendidikan Islam tingkatan 4, ia juga tergolong dalam tajuk yang pasti diuji setiap tahun dalam peperiksaan SPM.

Melihat kepentingan tajuk-tajuk asas kepada sistem ekonomi Islam ini, menjadi tanggungjawab besar kepada para guru Pendidikan Islam untuk memberikan kefahaman yang sebenar dan memastikan para pelajar memahami tajuk ini dengan baik, terutamanya dalam suasana dunia yang menjadikan sistem kewangan Islam sebagai satu alternatif atau gantian kepada sistem kewangan konvensional sedia ada pada hari ini. Isunya, apakah kaedah sesuai yang boleh digunakan untuk mempelajari tajuk ini?

Menurut Ab. Halim Tamuri et al. (2004), kaedah pengajaran Ibadah yang paling kerap digunakan adalah kaedah kuliah/penerangan dengan min 3.57. Ia diikuti dengan kaedah soal jawab dan tunjuk cara/demonstrasi. Namun, adakah ketiga-tiga kaedah yang berada di kedudukan teratas dalam Pembelajaran dan Pengajaran (P&P) Ibadah ini berkesan? Menurut Ab. Halim Tamuri et al. (2004) lagi, kaedah yang paling berkesan mengikut persepsi guru adalah tunjuk cara/demonstrasi dengan skor min 3.70. Ia diikuti dengan kaedah amali dan soal jawab. Kaedah kuliah/penerangan turut memberikan kesan memuaskan, namun ia berada di kedudukan ke-5 dengan skor min 3.39. Namun, secara keseluruhannya, kaedah tersebut adalah kaedah yang paling tidak diminati oleh pelajar (Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi, 2011).

Sebaliknya kaedah tunjuk cara/demonstrasi adalah kaedah yang paling berkesan menurut persepsi guru dalam P&P Ibadah (Ab. Halim Tamuri et al., 2004). Namun, bagaimana ingin menunjuk cara atau membuat demonstrasi bagi tajuk Muamalat? Ia mungkin sesuai bagi tajuk-tajuk Ibadah yang lain seperti Wudhu', Solat, Haji dan lain-lain, namun bagaimanakah ia dapat dilaksanakan bagi tajuk Muamalat?

Kaedah simulasi adalah kaedah yang jarang digunakan dalam P&P Ibadah. Ia dibuktikan melalui kajian oleh Ab. Halim Tamuri et al. (2004) yang menunjukkan bahawa kaedah simulasi berada di kedudukan ke-8 dengan skor min hanya 2.41. Namun, kepercayaan guru terhadap keberkesanan kaedah ini berada pada tahap tinggi,

iaitu min 3.00. Kepercayaan terhadap keberkesannya ada kebenarannya apabila kaedah simulasi biasanya digunakan untuk melakukan latihan atau pengalaman yang hampir serupa dengan suasana yang sebenar (Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2007; Ab. Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak, & Shahrin Awaluddin, 2011). Tambahan pula, dalam konsep pengajaran (*ta'lim*) keselarasan antara teori dan amali penting bagi membuahakan kefahaman jitu (Ab. Halim & Mohamad Khairul Azman, 2010). Justeru, peluang pelajar mengamalkan konsep Muamalat dalam simulasi dijangka dapat meningkatkan kefahaman.

Kertas konsep ini mencadangkan penggunaan i-ECO sebagai bahan bantu mengajar (BBM) dalam mewujudkan simulasi bagi memahami konsep Muamalat kepada pelajar.

i-ECO: Inovasi PDP Muamalat Menggunakan Kaedah Simulasi








i-ECO adalah ringkasan nama bagi *Islamic Economy*. Ia adalah satu permainan persis *Monopoly*, namun menggunakan peraturan-peraturan sistem kewangan Islam. Paparan asas i-ECO dapat dilihat pada gambar berikut (Rajah 1):




Rajah 1. Paparan Asas i-ECO

i-ECO dibina mengikut format *Monopoly*. Maka, ia turut menggunakan slot-slot tertentu sebagai pilihan jual beli, sewaan, gadaian dan syarikat dan saham. Sebanyak 30 slot disediakan sebagai simbolik kepada 30 hari dalam sebulan. Ia merangkumi 8 slot untuk tanah, 7 slot untuk syarikat, 6 slot untuk harta Allah, 3 slot Rezeki! Alhamdulillah dan 3 slot Jom Memberi. Tambahan pula, 1 slot untuk soalan SPM turut diselitkan. 2 slot lagi untuk slot pertama dan slot terakhir. Kesemua slot ini ditanda dengan warna berbeza dengan fungsi berbeza dan ikon berbeza. Penerangan secara ringkas tentang slot-slot tersebut dapat dilihat dalam Jadual 1.

Jadual 1
Slot dan Penerangannya

No.	Slot	Bil.	Contoh	Penerangan
1	Tanah	8		<ul style="list-style-type: none"> - Tanah untuk dijual beli - Pemilik berhak mengenakan sewa kepada pemain lain - Pemilik boleh menggadaikannya jika memerlukan duit - Pemain masih boleh membeli rumah atau hotel di atas milik masing-masing - Kadar sewaan adalah bergantung kepada nilai komersil tanah serta aset seperti rumah atau hotel yang wujud di atasnya
2	Syarikat	7		<ul style="list-style-type: none"> - Syarikat untuk dimiliki oleh pemain - Ia boleh dimiliki samada secara individu atau berpasangan - Untung didapati dari servis yang diberikan atau produk yang dijual - Pembahagian untung berdasarkan nisbah saham, iaitu; 70:30.
3	Harta Allah	6		<ul style="list-style-type: none"> - Ia milik Allah - Tiada sesiapa yang boleh memilikinya - Tiada sesiapa boleh mendapat untung daripada harta ini.
4	Rezeki! Alhamdulillah	3		<ul style="list-style-type: none"> - Ia ganti kepada Peluang (<i>Chance</i>) dalam permainan <i>Monopoly</i> - Konsep kesyukuran kepada Allah atas rezeki kurniaan-Nya diterapkan, menggantikan rasa tamak dan mengambil kesempatan atas pemain lain.
5	Jom memberi...	3		<ul style="list-style-type: none"> - Ia ganti kepada Nasib (<i>Fate</i>) dalam permainan <i>Monopoly</i>. - Konsep rasa rugi dalam <i>Monopoly</i> diganti dengan konsep rasa ingin memberi.
	Jadual 1 Slot	Bil.	Contoh	Penerangan
6	Soalan SPM	1		<ul style="list-style-type: none"> - Soalan SPM yang lepas berkenaan dengan tajuk-tajuk ini disoal. - Pemain diminta menjawab satu daripada soalan tersebut untuk membiasakannya dengan soalan yang mengikut piawaian SPM sebenar.
7	Slot Pertama	1		<ul style="list-style-type: none"> - Slot pertama adalah petak permulaan. Ia ditanda dengan no. 1 menunjukkan permulaan bulan baru. Bagi pemain yang telah memasuki pusingan kedua dan seterusnya, pada petak ini, mereka dikehendaki membayar zakat dengan kadar 2.5%.

8	Slot Terakhir	1		- Slot terakhir ditanda dengan no. 30. Ia simbolik kepada hari ke-30 atau hari terakhir dalam bulan tersebut. Pada hari tersebut, pemain akan diberi gaji sebanyak RM1,000 sebagai tambahan modal untuk proses perniagaan dalam bulan seterusnya.
---	---------------	---	---	---

Kesimpulannya, i-ECO mengambil permainan *Monopoly* sebagai contoh. Ia masih menggunakan wang sebagai medium pertukaran barang, geran tanah dan geran hak milik, peraturan melibatkan gadaian, hutang-piutang serta sewa. Ia turut menggunakan dadu untuk menentukan langkah pergerakan pemain. Ia sesuai dimainkan sehingga 7 pemain dalam satu masa. Seorang pemain boleh bertindak sebagai bank. Sesiapa yang tahu dan biasa bermain permainan *Monopoly*, maka dia pasti boleh bermain dengan i-ECO. Perbezaannya hanya satu iaitu i-ECO turut menambah peraturan melibatkan saham dan syarikat. Ia melibatkan konsep saham permulaan syarikat secara berpasangan (*partnership*) dan pembahagian untung mengikut nisbah 70:30. Konsep ini tidak diterapkan dalam permainan *Monopoly* yang menekankan permainan secara individu. Perbezaan ini wujud kerana matlamat akhir pemain *Monopoly* adalah memonopoli perniagaan, sebaliknya matlamat akhir permainan i-ECO adalah *Muslim Businessman*.

Cara Penggunaan I-ECO

i-ECO boleh digunakan dengan 3 cara, iaitu; mengikut tajuk, merangkumi semua tajuk dan mengikut pusingan. Pemilihan cara yang bersesuaian bergantung kepada kebijaksanaan guru untuk disesuaikan dengan masa pengajaran, tahap pelajar dan penekanan guru terhadap tajuk tertentu.

Mengikut tajuk

Guru boleh menggunakan i-ECO mengikut tajuk. Maksudnya, ia digunakan selepas satu tajuk diajarkan. Contohnya, selepas tajuk tentang jual beli diajarkan, untuk menambah pemahaman pelajar terhadap tajuk tersebut, maka i-ECO digunakan. Namun, tajuk-tajuk lain seperti Sewa, Gadaian, Syarikat, Hutang, Insuran dan Saham tidak dimasukkan dalam peraturan permainan. Hanya tajuk jual beli yang difokuskan. Begitu juga untuk tajuk-tajuk yang lain.

Merangkumi semua tajuk

Guru boleh juga menggunakan i-ECO untuk menambah kefahaman pelajar terhadap semua tajuk Muamalat. Namun, ia perlu dilakukan selepas semua tajuk telah dipelajari pelajar. Maka, ia digunakan dengan mengambil kira tajuk-tajuk yang telah dipelajari.

Mengikut pusingan

Sama seperti cara kedua, namun peraturan-peraturan baru diperkenal selepas memasuki pusingan baru. Contohnya, dalam pusingan pertama, hanya tajuk jual beli sahaja yang diberi penekanan. Sewa, gadaian dan syarikat tidak dibenarkan. Selepas memasuki pusingan kedua, peraturan sewa pula ditambah kepada jual beli yang telah diperkenalkan pada pusingan pertama. Kemudian, selepas memasuki pusingan ketiga, peraturan gadaian pula ditambah. Dan begitulah seterusnya. Cara ini digunakan bagi memastikan pelajar tidak pening dan keliru dengan peraturan-peraturan baru permainan. Bagi memastikan setiap peraturan dalam sistem kewangan Islam itu difahami, maka langkah pengenalan terhadap satu-satu konsep diperkenal secara beransur-ansur. Inovator berpendapat ini adalah langkah terbaik. Peraturan dan konsep baru diperkenal selepas setiap pusingan. Berikut adalah cadangan tajuk yang diperkenalkan selepas setiap pusingan:

- Pusingan pertama : Konsep jual beli
- Pusingan kedua : Konsep sewa
- Pusingan ketiga : Konsep saham dan syarikat
- Pusingan keempat : Konsep gadaian dan hutang

Ciri Inovasi i-ECO

1. i-ECO adalah *Monopoly* pertama yang direkabentuk dengan sistem kewangan Islam.
2. i-ECO adalah *Monopoly* pertama yang direkabentuk sebagai BBM.
3. i-ECO direka dengan membuat putaran ke belah kanan berbanding *Monopoly* biasa yang membuat putaran ke sebelah kiri. Ia bagi membiasakan pelajar dengan arah putaran tawaf.
4. Penerapan nilai positif melalui kempen-kempen berikut, seperti:
 - a. Kempen Zakat Pendapatan bagi mengingatkan peniaga (pemain) supaya tidak hanya mengumpul kekayaan semata-mata tanpa mengingati orang lain yang susah.
 - b. Kempen Singgah Masjid! Solat menggantikan konsep *Free Parking*.
 - c. Kempen Jom memberi... menggantikan konsep *Fate* yang membuatkan pemain terasa rugi. Kempen Jom memberi... sebaliknya menekankan pemain kepada rasa untung dengan memberi.
 - d. Kempen Rezeki! Alhamdulillah... menggantikan konsep *Chance* yang mengambil kesempatan terhadap pemain lain untuk mengaut keuntungan.
 - e. Menukar *Go to Jail* kepada Selamat Menunaikan Haji! bagi memberi kerehatan kepada pemain yang kepenatan memikirkan cara untuk mendapat untung. Ia juga simbolik kepada kebergantungan yang mutlak terhadap rezeki kepada Allah.
 - f. Membanyakkan ucapan Alhamdulillah supaya kesyukuran selepas menerima rezeki dipanjatkan kepada Allah sebagai ar-Razzaq (Ibn Kathir, 2004).
 - g. Konsep keadilan melalui pembahagian untung syarikat berdasarkan nisbah saham yang dimiliki (Munawar Iqbal & Llewellyn, 2002).
5. Integrasi terhadap subjek lain dan tajuk serta bidang lain, iaitu:
 - a. Geografi : dengan menggunakan lukisan peta di tengah bagi menunjukkan lokasi tanah yang dijual. Ia turut disertakan dengan tanda arah.
 - b. Zakat : melalui peraturan pembayaran zakat pada awal bulan selepas menerima gaji di akhir bulan. Kadar 2.5% adalah kadar biasa zakat bagi perniagaan dan simpanan (Husayn Husayn Shihatah & Abd as-Sattar Abu Ghuddah 2004).
 - c. Haji : dengan membuat putaran ke sebelah kanan persis ibadah tawaf. Selain itu, tanah Mekah turut diletakkan di slot no. 10 sebagai simbolik kepada Hari Raya Iduladha yang diraikan pada 10 Zulhijjah setiap tahun.
 - d. Sirah : dengan menggunakan nama-nama tempat yang ada dalam Pendidikan Islam tingkatan 4 seperti Mekah, Madinah, Palestin, Mesir, Baghdad, Yaman, Basrah dan Minangkabau. Gambar sebagai pengenalan kepada tempat tersebut turut diselitkan.
6. Menggunakan nama-nama syarikat Malaysia seperti Proton, Produa, Petronas, MAS, Mydin, TV al-Hijrah dan Gardenia sebagai usaha mempromosi syarikat-syarikat Malaysia.

KESIMPULAN

i-ECO adalah BBM yang digunakan sebagai simulasi terhadap aplikasi sistem kewangan Islam. Iadikini dapat membantu para pelajar memahami konsep kewangan Islam secara asas. Kefahaman terhadap asas tersebut penting bagi memastikan mereka dapat mengharungi dunia selepas persekolahan dengan mengharapkan keuntungan dan rezeki yang mengikut syariat Islam. Selain itu, ia juga dapat merangsang para pelajar dalam menghubungkan teori Fiqh Muamalat dengan kehidupan seharian mereka serta isu-isu semasa yang timbul yang dilihat sangat relevan pada hari ini.

Bagi guru pula, iadapat membantu menimbulkan simulasi terhadap aktiviti melibatkan kewangan Islam tanpa disedari oleh pelajar. Ia secara tidak langsung menggantikan aktiviti lakonan yang biasa dilakukan oleh guru. Aktiviti lakonan adalah baik, namun tidak dapat memberikan impak yang baik jika ia tidak dilakukan secara baik. Aktiviti lakonan yang dilakukan dengan perasaan malu juga boleh mengganggu mesej yang ingin disampaikan dalam lakonan tersebut. Jadi, menggunakan i-ECO membantu guru mengatasi masalah tersebut. Selain itu, persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh pelajar ketika menggunakan i-ECO juga membantu guru dari sudut perbincangan yang lebih terarah dan spesifik. Ia juga dapat menjadikan pembelajaran pelajar menjadi lebih bermakna (Rosnani Hashim, 2012).

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. (2010). Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep Mua'llim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 43-56.
- Ab. Halim Tamuri, & Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff. (2011). Isu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Dalam Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff (pnyt). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam* (hh. 19-37). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim, & Khadijah Abdul Razak. (2004). *Laporan penyelidikan keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar*. UKM & KPM.
- Ab. Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak, & Shahrin Awaluddin. (2011). Kaedah Pengajaran Pendidikan Islam: Konvensional dan inovasi. Dalam Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi (pnyt). *Kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam* (hh. 38-70). Bangi: Universti Kebangsaan Malaysia.
- Husayn Husayn Shihatah, & Abd as-Sattar Abu Ghuddah. (2004). *A guide to Accounting Zakah*. Cairo: al-Falah Foundation.
- Ibn Kathir. (2004). *Tafsir Ibn Kathir Jil 1*. Abdullah bin Muhammad bin Abdul Rahman bin Ishaq Alu Syaikh (penyt). Jakarta Timur: Pustaka Imam asy-Syafi'i.
- Kamarul Azmi, & Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah pengajaran & pembelajaran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2009). *Pendidikan Islam Tingkatan 4: Buku teks*. KPM & Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Munawar Iqbal, & Llewellyn, D. T. (2002). Introduction. Dalam Munawar Iqbal & Llewellyn, D. T. (Editor), *Islamic banking and finance: New perspectives on profit sharing and risk* (hh. 1 – 14). Cheltenham, UK: Edward Elgar.
- Rosnani Hashim. (2012). *Memenuhi aspirasi kemahiran berfikir dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 menerusi inkuiri dan pedagogi filosofiyah dalam kalangan guru*. Kertas kerja dibentangkan dalam Persidangan Majlis Dekan Fakulti Pendidikan di Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, 7-9 Oktober 2012.